

MINYAK MENTAH

 **11 SEN**
26 Disember 2016

13H 27/12

Harga minyak Amerika Syarikat (AS) ditutup pada paras tertinggi 17 bulan Jumaat lalu dalam dagangan lengang menjelang minggu cuti Krismas dan Tahun Baru.

Walaupun mencatatkan paras tertinggi berkenaan, harganya hampir tidak berubah pada Jumaat dalam pasaran yang ditutup awal sempena cuti perayaan.

Niaga hadapan Brent menokok 11 sen, atau 0.2 peratus untuk ditutup pada AS\$55.16 satu tong, manakala minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) menambah tujuh sen, atau 0.1 peratus untuk berakhir pada AS\$53.02, penutup tertinggi sejak Julai 2015.

Ia mengatasi penutup tertinggi 17 bulan WTI yang dicatatkan minggu lalu bagi komoditi tembaga dan kenaikan harian bulan hadapan keenam berturut-turut, menjadikan kenaikan paling lamanya sejak Ogos.

Ia juga meletakkan kontrak WTI meningkat buat minggu kelima dalam enam minggu, menokok kira-kira

22 peratus sejak pertengahan November, yang dikatakan peniaga kebanyakannya dikaitkan dengan perjanjian pemotongan pengeluaran Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

"Jumaat adalah hari dagangan lengang, rendah dengan sedikit pergerakan harga," kata rakan urusan PSW Investments di New Jersey, Phil Davis sambil menambah WTI menambah harga yang mencukupi untuk mencatatkan paras tertinggi baharu 17 bulan.

"Inilah masa bagi kecergasan maksimum dalam pasaran minyak. Ia semuanya berkait dengan perjanjian OPEC untuk memotong output," kata Davis, sambil memberi amaran harga yang tinggi tidak akan kekal jika pasaran tidak memandangkan pemotongan OPEC dalam jangka masa lebih panjang.

OPEC dan negara bukan OPEC bersetuju untuk mengurangkan output sebanyak 1.8 juta tong sehari (bpd) bermula 1 Januari ini.

REUTERS